

26 Mac 2008

KUALA LUMPUR 25 Mac ♦ Kerajaan hari ini mengumumkan akan memperkenalkan tiga langkah khusus bagi meringankan beban rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

Selain tiga langkah itu, kerajaan turut menyatakan ia tidak akan menaikkan harga minyak dan gas pada masa ini.

Berikutan keputusan tersebut, kadar tarif elektrik sedia ada akan dikekalkan.

Dalam ucap utamanya pada Persidangan Pelaburan Malaysia 2008 di sini hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghuraikan perancangan bagi melegakan keresahan rakyat berhubung kenaikan kos sara hidup yang menjadi isu dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac lalu.

Tiga langkah itu ialah:

- \* Mengurangkan impak kenaikan harga minyak dunia bagi golongan berpendapatan rendah dengan mengurangkan pembaziran dan kerugian kesan daripada subsidi.
- \* Mengkaji semula pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi bagi memastikan manfaatnya dapat dirasai golongan yang benar-benar memerlukan.
- \* Kerajaan akan terus bekerja ke arah mengurangkan jurang pendapatan antara kumpulan-kumpulan etnik, dan pada masa yang sama memastikan keadilan untuk semua rakyat.

Menurut Abdullah, dalam penggal keduanya sebagai Perdana Menteri, beliau bercadang melaksanakan agenda lebih tegas bagi menangani kebimbangan rakyat sebagaimana yang mereka suarakan menerusi peti undi pada pilihan raya umum lalu.

♦Keputusan pilihan raya lalu adalah mesej yang kuat daripada rakyat bahawa saya tidak bergerak cukup pantas dalam melaksanakan pembaharuan-pembaharuan yang dijanjikan. Mesej telah dibuat dan saya terima,♦ katanya.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga minyak merupakan isu terbesar yang menjadi kebimbangan rakyat pada pilihan raya umum 8 Mac lalu.

♦Apa jua harga sekarang, kita harus hadapinya, tetapi bila kita mengumumkannya nanti, harapan saya keadaan (kebimbangan) itu akan berubah,♦ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan tersebut.

Menurutnya, harga minyak semasa akan dikekalkan bagi melindungi kepentingan rakyat.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang turut hadir pada persidangan tersebut ketika ditanya mengenai perkara itu berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan harga gas pada masa ini.

Gas banyak dimanfaatkan dalam sektor tenaga dan pengangkutan. Kenaikan harga gas juga memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna kerana gas banyak digunakan untuk memasak di rumah-rumah.

Katanya: ♦Tiada keputusan untuk menaikkan harga gas. Jika ada (pun) kenaikan, kami tidak akan membebankan Tenaga Nasional Bhd. (TNB).♦

Nor Mohamed menjelaskan, kerajaan juga tidak bercadang menaikkan harga gas yang dijual oleh Petronas kepada TNB pada masa sekarang.

♦♦Saya tidak tahu (bila kerajaan akan menaikkan harga gas)... tiada keputusan diambil untuk menaikkan harganya pada masa sekarang,♦ jelas beliau.

Petronas menjual gas pada kadar harga subsidi RM6.40 bagi setiap mm BTU (Unit Termal British) kepada industri tempatan sejak 1997 walaupun harga semasa gas ialah

kira-kira RM40 bagi setiap mm BTU. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Pada tahun lepas sahaja, subsidi gas yang ditanggung oleh Petronas bernilai RM15 bilion. Sejak 1997, syarikat petroleum nasional itu telah menanggung subsidi gas berjumlah RM50 bilion.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Ketika mengulas lebih lanjut mengenai usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat, Perdana Menteri berkata, perincian mengenai langkah-langkah khusus untuk membantu golongan miskin akan diumumkan tidak lama lagi.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Saya akan umumkan jumlah yang kita akan belanjakan. Bagaimanapun, apa yang penting ialah dasar telah dibuat,◆ katanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Abdullah berkata, kerajaan sedar di sebalik perangkaan ekonomi yang baik sejak dua tahun lepas, rakyat merungut usaha membantu golongan miskin masih belum mencukupi.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Katanya, perangkaan tersebut tidak memberi manfaat kepada mereka.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Saya tahu mereka prihatin dan bimbang dengan kenaikan harga minyak serta barangan lain. Ini yang menjadi kebimbangan mereka sebenarnya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Kecuali masalah itu ditangani, apa juga rujukan mengenai ekonomi kita dalam keadaan baik sudah semestinya tidak diterima oleh mereka. Ini yang harus ditangani,◆ katanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Abdullah seterusnya memberitahu, terdapat banyak cara untuk membantu golongan miskin tetapi buat masa ini kerajaan memberi tumpuan kepada usaha meringankan beban mereka ketika berbelanja membeli barang keperluan.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Perdana Menteri berkata, beliau juga akan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan koridor.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Namun, katanya, hasil kajian separuh penggal, beberapa program akan dikemas kini bagi memastikan manfaatnya benar-benar dinikmati semua lapisan rakyat.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Saya masih dan sememangnya selama ini menjadi Perdana Menteri bagi semua rakyat Malaysia. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Manifesto kita (Barisan Nasional) telah menggariskan dengan jelas komitmen kami untuk mengurangkan jurang antara wilayah.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">◆Oleh itu, kami mahu menjalin hubungan kerja yang produktif dengan semua kerajaan negeri bagi memastikan rancangan koridor tersebut berjaya,◆◆ ujanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Pada pilihan raya umum 8 Mac lalu, BN tewas di lima negeri, sekali gus mencetuskan kebimbangan kemungkinan penangguhan pelaksanaan rancangan pembangunan koridor bernilai beratus-ratus bilion ringgit.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Malah, kerajaan mengunjurkan sebanyak RM177 bilion nilai pelaburan akan dijana menjelang tahun 2025 bagi memperkasa pertumbuhan di negeri-negeri di utara.</p><p align="justify"> </p>